

TP 3 : Menggunakan maklumat berkaitan jaringan pengangkutan untuk ke sesuatu tempat.

TP 4 : Menjelaskan melalui contoh kepentingan pengangkutan di kawasan setempat

TP 5 : Membahaskan langkah untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia

A. Taipkan jawapan yang betul di dalam ruang jawapan berdasarkan pernyataan di bawah dengan pilihan jawapan yang diberi di dalam kotak.

SMART	tanah pamah	pelabuhan	Timur-Barat
feri	Jambatan Pulau Pinang	Klang	Gemas

1. Bentuk muka bumi _____ sesuai pembinaan jaringan pengangkutan kerana keadaan tanah yang rata dan luas.
2. Pembinaan Lebuhraya _____ telah memudahkan perhubungan antara pantai timur dengan pantai barat Semenanjung Malaysia dengan pembinaannya merentasi tanah tinggi dan sungai.
3. Pelabuhan _____ terdiri daripada dua terminal iaitu *Northport* dan *Westport* dan merupakan pelabuhan kontena utama Malaysia.
4. Bentuk muka bumi pinggir laut yang berteluk sesuai dijadikan _____ kerana keadaannya terlindung dan dalam.
5. Terowong _____ dibina di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah banjir dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.
6. Perkhidmatan _____ digunakan untuk mengangkut pelancong dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Pulau Langkawi.
7. Stesen persimpangan kereta api antara pantai barat dengan pantai timur Semenanjung Malaysia terletak di _____.
8. Jaringan pengangkutan seperti _____ berfungsi sebagai saluran air dan laluan kenderaan bagi kegiatan ekonomi.

B. Suai padankan pernyataan di bawah dengan pilihan jawapan yang paling tepat.

Pernyataan	Jawapan
Encik Syahmi tinggal di Kelantan dan ingin membawa anak-anaknya bercuti di Kuala Lumpur pada cuti sekolah yang akan tiba tidak lama lagi. Pengangkutan awam yang paling sesuai digunakan oleh beliau adalah ... ➡	← KTM Antarabandar / Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS)
Jika Encik Irfan ingin membawa anak-anaknya mengelilingi Malaysia menggunakan pengangkutan darat, destinasi manakah yang tidak boleh beliau pergi? ➡	← Bas Express / Perkhidmatan kereta api (KTMB)
Safiyah dan rakannya berhajat untuk melawat pensyarahnya yang sedang sakit di Tanjung Malim dengan menggunakan pengangkutan awam yang mesra alam. ➡	← Negeri Sabah dan Sarawak
Ini merupakan pengangkutan awam yang terkenal di Pulau Pinang. Pengangkutan ini menjimatkan kos dan boleh membawa barangan dan kenderaan darat merentasi selat melaka. ➡	← e-panggilan (e-hailing)
Hana yang tinggal di Kuantan mendapat tawaran belajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pengangkutan awam yang manakah dapat membantu Hana? ➡	← Feri
Shahrin bekerja di Petaling Jaya dan ingin pulang ke rumahnya yang terletak di Damansara. Beliau ingin menggunakan perkhidmatan awam dengan membuat tempahan melalui aplikasi. ➡	← Kapal Terbang

C. Berdasarkan gambar di bawah, tarik jawapan yang paling tepat tentang kepentingan pengangkutan tersebut mengikut warna kotak jawapan di bawah.

Gambar	Kepentingan pengangkutan
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :
	Kotak jawapan :

Mengurangkan kesesakan lalu lintas	Membawa penumpang dan barangan pelancongan
Menggalakkan integrasi nasional	

Meningkatkan darjah ketersampaian	Mengendalikan urusan perdagangan import dan eksport
Mengurangkan pencemaran udara	

Mengurangkan kos tambang dan bahan api	Menghubungkan kawasan pedalaman ke bandar
Memajukan industri pelancongan luar negara	

D. Pilih jawapan yang paling tepat berdasarkan gambar dan soalan.

Soalan 1



- i. Apakah perasaan anda sebagai orang awam setelah melihat keratan akhbar di atas?

- ii. Kemukakan cara untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bas awam berdasarkan masalah di atas?

- iii. Bagaimanakah cara untuk menyedarkan sikap pemandu seperti ini?

Soalan 2




- i. Jenis barangan yang dieksport melalui pelabuhan kontena di Malaysia.

- ii. Apakah keistimewaan pelabuhan kontena di Malaysia?

- iii. Terangkan kepentingan pelabuhan kepada negara kita.

Soalan 3



- i. Mengapakah pengangkutan awam di atas hanya terdapat di bandar-bandar besar?

- ii. Ramalkan keadaan sekiranya pengangkutan awam di atas tidak ada di bandar-bandar besar.

- iii. Pada pendapat anda, wajarkah pengangkutan awam di atas disediakan di Kawasan luar bandar?



Tahniah dan Syabas, anda telah melaksanakan PdPR Geografi hari ini. Anda pelajar yang hebat dan terbaik walaupun kekal berada di . Kekalkan semangat hebat ini sepanjang menjalani PdPR bersama cikgu. Anda pelajar bagus!!!



TEKAN 'FINISH'

Penamat!



TAIP NAMA DAN KELAS



**TIDAK PERLU SCREENSHOT,
AUTO REKOD TERUS
KEPADA CIKGU**